



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(1) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Persepsi Guru Tauliah Terhadap Pengetahuan Hadis Daif: Satu Kajian di Negeri Melaka

(Perception of Certified Teachers on Weak Hadith Knowledge: A Study in
Melaka State)

Muhammad Ashraf Shahrulail¹, Mohd Khafidz Soroni^{1*}

¹Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor 43000 Kajang, Selangor

ARTICLE INFO

Article history:

Received 8 September 2023

Accepted 12 March 2024

Published 23 April 2024

Keywords:

college teachers

daif hadis

knowledge

perception

Katakunci:

guru tauliah

hadis daif

pengetahuan

persepsi,

DOI:

10.24191/jcis.v10i1.6

ABSTRACT

Teachers are considered as the most significant contributor to the fundamental development of education in the Islamic society. However, issues arise regarding the knowledge of weak (*daif*) hadiths among them. Additionally, the position of *daif* hadis remains a matter of debate. The objective of this study is to assess the perceptions of the teachers regarding their knowledge of the status of *daif* hadiths. This research employs a quantitative approach using survey instrument involving 240 respondents from three districts in Melaka State namely Melaka Tengah, Jasin and Alor Gajah by using a stratified random sampling method. Data was analyzed using IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 descriptively to determine the mean value, percentages, and interpretation data. The findings reveal that the perceptions of teachers regarding their knowledge of the status of hadith is at a moderately high level. The conclusion of this study indicates that not all teachers have a background in hadith studies. Furthermore, the potential clash of various schools of thoughts and groups may lead to differences in understanding among them.

ABSTRAK

Guru tauliah merupakan penyumbang terpenting dalam pembangunan pendidikan peringkat akar umbi dalam masyarakat Islam. Namun begitu, terdapat beberapa permasalahan yang ditemui berkenaan dengan pengetahuan hadis daif dalam kalangan guru tauliah. Tambahan pula kedudukan hadis daif merupakan sesuatu perkara yang sering diperdebatkan. Objektif kajian ini bertujuan untuk menilai persepsi guru tauliah terhadap pengetahuan status hadis daif. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu menggunakan instrumen soal selidik melibatkan 240 responden guru tauliah yang melibatkan tiga daerah di Negeri Melaka iaitu Melaka Tengah, Jasin dan Alor Gajah dengan

^{1*} Corresponding author. E-mail address: mohdkhafidz@kuis.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i1.6>

menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata. Data telah dianalisis menggunakan perisian IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 25.0 secara deskriptif untuk mengetahui nilai min, peratusan dan data interpretasi. Dapatan kajian mendapati persepsi guru tauliah terhadap pengetahuan status hadis berada pada tahap sederhana tinggi. Rumusan dari kajian ini mendapati tidak semua guru tauliah mempunyai latar belakang pengajian ilmu hadis. Selain itu, kemungkinan natijah pertembungan di antara beberapa aliran dan kumpulan menyebabkan timbul perbezaan kefahaman di antara mereka.

PENGENALAN

Guru tauliah bermaksud individu yang dibenarkan bagi seseorang warganegara atau bukan warganegara yang dijemput khas oleh kerajaan negeri, jabatan atau agensi-agensi untuk memberi ceramah atau kuliah berhubung dengan apa-apa aspek agama Islam dalam program tertentu pada tarikh, masa dan tempat yang ditentukan sahaja. Menurut Wahyu et al. (2018), guru tauliah agama merupakan individu yang mendapat kebenaran mengajar oleh badan berautoriti di dalam sesebuah negeri seperti Majlis Agama Islam Negeri atau Jabatan Agama Islam Negeri yang diberikan autoriti untuk mengeluarkan dan memberikan tauliah kepada seseorang yang ingin menyampaikan pengajaran agama. Individu yang memberikan ceramah umum, pengajian berkitab, pengajian khas agama, mengajar al-Quran, mengajar fardhu ain merupakan dibawah kategori tauliah. Oleh itu, guru tauliah merupakan individu yang penting dalam menyampaikan ilmu agama kepada masyarakat awam.

Pemegang tauliah mengajar agama khususnya dari Jabatan Mufti Negeri Melaka boleh mengajar di masjid atau surau di dalam negeri Melaka mengikut kategori tauliah yang diberikan. Mereka juga boleh menentukan kitab yang akan diajar mengikut kemahiran yang ada. Pemegang tauliah mengajar agama tidak diberikan elaun tetapi mereka menerima sumbangan mengikut kadar yang ditetapkan atau atas budi bicara pihak jawatankuasa masjid dan surau yang menjemput pemegang tauliah berkenaan. Tauliah Mengajar/Kebenaran ini diberi kepada Pemohon atau Penganjur yang layak berdasarkan peruntukan Seksyen 106 (3), Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Melaka 2002 mengikut kategori yang berikut:

- a. Tauliah Mengajar Agama terbahagi kepada dua kategori:
 - (i) Kategori A: Bagi seluruh Negeri Melaka; dan
 - (ii) Kategori B: Bagi daerah tertentu sahaja.
- b. Tauliah Mengajar Al-Quran bagi seluruh Negeri Melaka.
- c. Kebenaran Berceramah bagi tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu sahaja.
- d. Kebenaran membaca khutbah bagi tarikh, tempoh atau masa dan tempat tertentu sahaja (Garis Panduan Tauliah Mengajar Negeri Melaka).

Hadis daif dari segi bahasa: الضعيف adalah lawan kepada القوي (kuat) yang membawa maksud lemah (al-Ghourī, 2019). Makna dari segi istilah: Definisi yang paling baik untuk hadis daif ialah hadis yang kehilangan salah satu daripada syarat-syarat hadis *maqbul* (diterima) (Nuruddīn 'Iṭr, 1997). Menurut Ibn Ṣālah (643H) pula, hadis daif ialah hadis yang tidak mencukupi syarat-syarat hadis *ṣaḥīḥ* dan tidak mencukupi syarat-syarat hadis *ḥasan* (Ibn Ṣālah, 1986). Menurut al-'Irāqī (806H), hadis daif terbahagi kepada 42 bahagian. Sebahagian yang lain pula ada yang mengatakan 81 bahagian (Al-Māliki, 2002).

Terdapat beberapa kriteria yang menunjukkan sesuatu hadis itu daif. Di antara salah satu ciri-ciri tersebut ialah:

- a. Sanadnya tidak bersambung
- b. Perawi tidak *'adil*
- c. Perawi tidak *dabt*
- d. Mengandungi *syaz*
- e. Mengandungi *'illah*
- f. Mempunyai sokongan jika diperlukan (Nuruddīn 'Itr, 1997)

Dalam lapangan ilmu hadis, kedudukan hadis daif merupakan sesuatu perkara yang sering diperdebatkan (Khadher & Fauzi, 2021). Dalam konteks isu semasa, polemik berkaitan penilaian status hadis lebih cenderung melarat kepada pertelingkahan di luar batas keilmuan apatah lagi biasanya ia membabitkan penceramah, pendakwah atau ilmuwan agama. Sehubungan itu, terdapat beberapa permasalahan yang ditemui berkenaan dengan pengetahuan status hadis daif dalam kalangan penceramah atau guru agama. Permasalahan yang pertama adalah berkaitan pengetahuan dan kefahaman guru tauliah tentang status hadis daif. Shukri dan Faisal (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Hadith-Hadith Masyhur Berkaitan Dengan Al-Faḍāil al-A'māl: Kajian Kefahaman dan Pengamalannya Dalam Kalangan Guru-Guru Pendidikan Islam Di Pasir Gudang* mendapati terdapat sejumlah ramai tenaga pengajar mengamalkan hadis-hadis *faḍīlat* yang statusnya adalah *daif jiddan* (bersangatan lemah), *mawḍū'* (palsu) dan *la aṣl lah* (tiada asal baginya). Golongan ini tidak mampu mengetahui atau mengenal pasti status hadis-hadis *faḍīlat* yang tersebar di kalangan mereka. Faktor-faktor yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah disebabkan kurangnya penguasaan ilmu hadis secara umum dalam kalangan penceramah atau agamawan khususnya berkaitan bab hadis daif (Faisal, 2017). Tidak dinafikan sebahagian tenaga pengajar dan penceramah di Malaysia menguasai dalam aspek ilmu riwayat, namun begitu, penekanan dari sudut ilmu dirayah seperti penelitian sanad, kajian perawi hadis dan penilaian status hadis masih kurang diberi perhatian dikalangan mereka (Dhani, 2014).

Wahyu (2018) dalam kajiannya yang bertajuk *Amalan Penggunaan Metode Syarah al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Institusi Masjid di Daerah Muallim Negeri Perak* mendapati kebanyakan tenaga pengajar hanya menjelaskan status hadis yang terdapat di dalam kitab yang dibawa dalam pengajian yang dijalankan. Faisal (2017) menjelaskan, terkadang sikap sebahagian daripada mereka meletakkan status hadis tanpa usul periksa dan membuat kajian terlebih dahulu. Menurut Jawiah (2014), disebabkan kebergantungan sepenuhnya kepada karya-karya jawi yang belum ditahkik, maka menjadi salah satu faktor penyebaran hadis daif yang tidak diketahui dari segi penerimaan atau penolakan untuk diamalkan. Ini kerana dalam karya-karya jawi tersebut terdapat hadis-hadis yang merangkumi bab-bab mengenai akidah, hukum hakam, ibadah, akhlak dan seumpamanya. Kholis (2016) menegaskan, dalam perkara hadis daif, terdapat beberapa bab yang hadisnya boleh diterima dan ada hadisnya yang tidak boleh digunakan. Oleh itu perlu dipastikan keberadaan hadis tersebut sebelum disebarkan kepada masyarakat.

Bagi pengkaji ini merupakan satu isu permasalahan yang agak besar. Ini kerana masyarakat awam tidak mampu untuk menilai dan mengambil hadis mana yang sesuai dan tidak sesuai. Perlu dilihat juga bahawa tahap penerimaan masyarakat awam terhadap sesuatu maklumat atau ilmu adalah terhad. Justeru, objektif kajian ini akan melihat sejauhmana persepsi guru tauliah terhadap pengetahuan status hadis daif. Mengenal pasti status hadis terutamanya hadis daif memang perlu supaya kita dapat mengesahkan sama ada hadis daif tersebut boleh diterima dan diamalkan atau sepakat para ulama untuk ditinggalkan hadisnya.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, populasi sasaran pengkaji adalah terdiri daripada guru-guru tauliah yang dilantik oleh Jabatan Mufti Negeri Melaka ditugaskan untuk mengajar di surau dan masjid sekitar negeri Melaka. Kajian ini melibatkan daerah Jasin, Melaka Tengah dan Alor Gajah. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan rawak berlapis (Majid, 2000) ataupun juga dikenali sebagai rawak berstrata (Najib, 2003). Menurut Munawar dan Nor (2015), kajian tinjauan lazimnya melibatkan persoalan mengenai tingkah laku individu seperti persepsi, tahap pengetahuan, kefahaman, kepercayaan, kegemaran dan lain-lain. Oleh itu, reka bentuk kajian ini sangat bersesuaian dengan kajian yang dijalankan iaitu untuk mengkaji persepsi guru tauliah terhadap pengetahuan status hadis daif. Kajian ini hanya menggunakan metode kajian berbentuk kuantitatif melalui edaran soal selidik.

Responden yang terlibat terdiri daripada guru-guru tauliah negeri Melaka. Dalam kajian ini, sejumlah 652 responden guru tauliah daripada Jabatan Mufti Negeri Melaka telah dipilih secara rawak untuk diberikan instrumen soal selidik yang merupakan sumber utama dalam kajian ini. Pemilihan sampel telah dibuat secara rawak bagi memberikan peluang yang sama kepada individu untuk terlibat sebagai sampel kajian ini dalam mewakili populasi yang dikaji. Namun, daripada 652 responden guru tauliah, hanya sejumlah 240 responden sahaja yang mengembalikannya semula dan boleh digunapakai untuk dijalankan analisis berkaitan kajian ini. Dalam hal ini, Krejcie dan Morgan (1970) berpendapat bahawa saiz sampel yang sesuai bagi bilangan saiz populasi seramai 242 responden ialah 650 responden. Dengan itu, sejumlah 240 responden responden yang menjadi sampel bagi kajian ini adalah menepati pendapat Krejcie dan Morgan (1970).

Skala pengukuran yang digunakan di dalam soal selidik ini adalah berbentuk skala likert berdasarkan pilihan jawapan Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS). Skala likert ini digunakan sebagai pilihan jawapan responden. Data telah dianalisis menggunakan perisian IBM *Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0 secara deksriptif untuk mengetahui nilai min, peratusan dan data interpretasi.

DAPATAN KAJIAN

Analisis data daripada soal selidik yang dijalankan adalah bagi mendapatkan analisis kekerapan, peratusan, min dan interpretasi pengetahuan status hadis daif dalam kalangan guru tauliah.

Demografi Responden

Jadual 1: Demografi Responden

No	Item	Perincian	Jumlah	Peratusan (%)
1	Jantina	Lelaki	156	65
		Perempuan	84	35
		Jasin	52	21.7
2	Daerah	Melaka Tengah	98	40.8
		Alor Gajah	90	37.5
		Shari'ah	64	26.7
		Usuluddin	40	16.7
3	Bidang Pengkhususan	Al-Quran	68	28.3
		Hadith	4	1.7
		Bahasa Arab	8	3.3
		Dakwah Islamiah	56	23.3

Berdasarkan dapatan yang diperolehi dari Bahagian demografi responden, seramai 156 responden (65%) adalah terdiri dari guru tauliah lelaki manakala 84 responden (53%) merupakan guru perempuan. Dari segi daerah tempat mengajar, jumlah guru tauliah yang mewakili daerah jasin seramai 52 responden (21.7%), daerah Melaka Tengah seramai 98 responden (40.8%) dan daerah Alor Gajah seramai 90 responden (37.5%). Dari segi bidang pengkhususan, 64 responden (26.7%) dari bidang shari'ah, 40 responden (16.7%) dari bidang usuluddin, 68 responden (28.3%) dari bidang al-Quran, 4 responden (1.7%) dari bidang hadis, 8 responden (3.3%) dari bidang bahasa arab dan 56 responden (23.3%) dari bidang dakwah Islamiah.

Pengetahuan Status Hadis Daif

Analisis data dapatan daripada pengetahuan status hadis daif ditunjukkan seperti dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 2: Kekerapan, peratusan dan skor min persepsi guru tauliah terhadap pengetahuan status hadis daif

Bil	Item	Kekerapan dan Peratus (%)					Min
		STB	TS	TP	S	SB	
1	Hadis daif ialah hadis yang kehilangan salah satu daripada syarat-syarat hadis <i>maqbul</i> .	8 (3.3)	12 (5)	40 (16.7)	120 (50)	60 (25)	4.02
2	Saya tahu hadis daif dilarang untuk beramal dalam perkara akidah	4 (1.7)	16 (6.7)	28 (11.7)	92 (38.3)	100 (41.7)	4.12
3	Saya tahu hadis daif boleh diamalkan dalam perkara <i>faḍail al-A'māl</i> (kelebihan amal)	4 (1.7)	8 (3.3)	32 (13.3)	100 (41.7)	96 (40)	4.15
4	Saya tahu hadis daif tidak boleh digunakan untuk berhujah melibatkan pembinaan hukum halal dan haram	4 (1.7)	8 (3.3)	12 (5)	92 (38.3)	124 (51.7)	4.35
5	Saya tahu hadis daif boleh diamalkan dalam perkara <i>maghāzī</i> (peperangan) dengan bersyarat.	24 (10)	48 (20)	96 (40)	52 (21.7)	20 (8.3)	2.98
6	Saya tahu daif boleh diamalkan dalam perkara <i>mawā'iz</i> (nasihat dan motivasi) dengan bersyarat.	36 (15)	60 (25)	72 (30)	56 (23.3)	16 (6.7)	2.82
7	Saya tahu hadis daif boleh diamalkan dalam bab zikir dengan bersyarat.	24 (10)	72 (30)	72 (30)	60 (25)	12 (5)	2.85
8	Saya tahu hadis daif boleh diamalkan dalam bab <i>faḍāil al-Ṣohābah</i> (kelebihan sahabat) dengan bersyarat.	24 (10)	80 (33.3)	64 (26.7)	64 (26.7)	8 (3.3)	2.80
9	Saya tahu hadis daif boleh digunakan dalam menentukan amalan sunat secara <i>ihtiyāt</i> (berhati-hati)	28 (11.7)	76 (31.7)	76 (31.7)	52 (21.6)	8 (3.3)	2.73
10	Saya tahu hadis daif boleh digunakan dalam menentukan perkara-perkara yang harus secara <i>ihtiyāt</i>	20 (8.3)	52 (21.7)	88 (36.7)	72 (30)	8 (3.3)	2.98

Persepsi-persepsi guru tauliah yang diperolehi dari analisis ini adalah; [1] Hadis daif ialah hadis yang kehilangan salah satu daripada syarat-syarat hadis *maqbul*. (min = 3.88). [2] Saya tahu hadis daif dilarang untuk beramal dalam perkara akidah (min = 4.12). [3] Saya tahu hadis daif boleh diamalkan dalam perkara *faḍail al-A'māl* (kelebihan amal) (min = 4.15). [4] Saya tahu hadis daif tidak boleh digunakan untuk berhujah melibatkan pembinaan hukum halal dan haram (min = 4.35). [5] Saya tahu hadis daif boleh diamalkan dalam perkara *maghāzī* (peperangan) dengan bersyarat. (min = 2.98). [6] Saya tahu da'if boleh diamalkan dalam perkara *mawā'iz* (nasihat dan motivasi) dengan bersyarat. (min = 2.82). [7] Saya tahu hadis daif boleh diamalkan dalam bab zikir dengan bersyarat. (min = 2.85). [8] Saya tahu hadis daif boleh diamalkan dalam bab *faḍāil al-Ṣohābah* (kelebihan sahabat) dengan bersyarat. (min = 2.80). [9] Saya tahu hadis daif boleh digunakan dalam menentukan amalan sunat (min = 2.73). [10] Saya tahu hadis daif boleh digunakan dalam menentukan perkara-perkara yang harus (min = 2.98). Bagi huraian secara ringkas, terdapat 3 daripada semua item mencapai tahap interpretasi yang tinggi iaitu item 2, 3 dan 4. Pada tahap sederhana tinggi terdapat 1 item sahaja iaitu item 1. Manakala terdapat 6 daripada semua item pada bahagian A mencapai tahap interpretasi yang sederhana rendah iaitu item 5, 6, 7, 8, 9 dan 10.

Pada item 5, 6, 7 dan 8, kelihatan kebanyakan responden menyatakan tidak pasti bahawa hadis daif boleh diamalkan dalam bab *maghāzī* (peperangan), *mawā'iz* (nasihat dan motivasi), *faḍāil al-ṣahābah* (kelebihan para sahabat) dan bab zikir. Antara faktor – faktor yang menyebabkan ketidakpastian perkara ini boleh berlaku adalah mungkin disebabkan kurangnya penguasaan ilmu hadis secara umum dikalangan penceramah atau ilmuwan islam terutamanya dalam bab hadis daif. Rumusan dari hasil kajian juga mendapati tidak semua pengajian guru tauliah mempunyai latar belakang pengajian ilmu hadis. Berdasarkan dapatan daripada bidang pegkhususan guru tauliah, didapati hanya 4 (1.7%) responden daripada 240 yang mempunyai lulusan dalam bidang hadis. Bertepatan dengan kajian artikel dari Jamaluddin (2011), beliau menjelaskan golongan yang berpendidikan agama di Singapura seperti penceramah, guru – guru bertauliah dan seumpamanya, mereka juga datang dari selain bidang pengkhususan hadis dan kebanyakan dari mereka masih kurang berpengetahuan dalam memahami permasalahan status hadis. Tambahan lagi, golongan ini kurang prihatin terhadap status sesuatu hadis yang mereka sampaikan sehinggakan apa sahaja yang dikatakan sebagai hadis, mereka jadikan sebagai bahan bicara dalam pengajaran dan pembelajaran (Faisal, 2017). Menurut kajian yang dilaksanakan oleh Jainah (2020) berkaitan dengan guru agama, perbezaan latar belakang pengajian seseorang guru agama boleh memberikan pengaruh dan kesan yang tinggi kepada ilmu yang akan disampaikan kepada masyarakat. Hasil dari kefahaman pengajian mereka terdahulu, mereka akan aplikasikan kepada pendengar di surau dan masjid.

Selain itu, pada item 5, 6, 7 dan 8 juga menunjukkan kebanyakan responden menyatakan tidak setuju bahawa hadis daif boleh diamalkan dalam bab *maghāzī* (peperangan), *mawā'iz* (nasihat dan motivasi), *faḍāil al-ṣahābah* (kelebihan para sahabat) dan bab zikir dengan beberapa syarat yang telah diletakkan oleh para ulama. Menurut pengkaji, antara faktornya adalah berkemungkinan sebahagian guru tauliah mengambil pandangan yang menyatakan tidak boleh mengamalkan hadis daif dalam bab-bab kelebihan dan seumpamanya. Perbezaan pendapat dari sudut pengamalan status hadis daif ini telah disebutkan oleh Al-Khudāyri (2004) dalam kitab beliau *al-Hadīth al-Da'if wa Ḥukm al-Ihtijāj Bihi*. Beliau menjelaskan bahawa para ulama berselisih pendapat pada penerimaan amalan hadis daif dalam persoalan yang berkaitan hukum-hakam dan *faḍā'il al-a'māl*. Pandangan ini juga disebutkan dalam kajian yang dilakukan oleh Khadher dan Ibrahim (2019) bahawa terdapat sebahagian ilmuwan yang menolak hadis daif secara mutlak dalam bab hukum-hakam, *faḍā'il* (kelebihan amal), *targhīb* (ancaman) dan juga *tarhīb* (galakan). Alasannya adalah mereka menisbahkan pandangan kepada Imam Yahyā bin Ma'īn, Imam Ibn al-'Arabī, Imam al-Bukhārī, Imam Muslim dan Imam Ibn Ḥazm. Namun begitu, pada pandangan 'Awwāmah (2017), beliau tidak bersetuju dengan pendapat tersebut. Beliau berpandangan bahawa tidak terdapat perkataan yang jelas terhadap penolakan beramal dengan hadis daif secara total daripada imam-imam terdahulu yang meneladani bidang hadis.

Selain itu, menurut Adam dan Khadher (2017), antara faktor-faktor lain yang membawa kepada perbezaan pandangan ini adalah mungkin disebabkan pelbagai fahaman aliran dan manhaj. Dalam kalangan ahli ilmu pada hari ini telah berpecah menjadi beberapa aliran sehingga membawa kepada khilaf dalam penentuan status hadis dan pengetahuan terhadap pengamalan status hadis daif. Farhan et. al (2016) menegaskan, paling ketara perselisihan adalah melibatkan golongan agamawan yang saling bertegang urat mempertahankan hujah dan firqah masing-masing. Di sebelah pihak, mereka mencanang kononnya hadis daif boleh diriwayatkan dan digunapakai secara mutlak, bahkan lebih baik dari pandangan manusia (*al-Ra'y*). Di sebelah pihak lain, mereka melarang dengan penuh tegas dan menyeru menggunakan dalil yang *ṣahīh* sahaja. Rohaizan et al. (2022) menjelaskan, hadis daif ada yang boleh diamalkan atau dijadikan hujah dan ada yang tidak boleh. Oleh itu, perbincangan dan pendapat ulama berkait dengan perkara ini perlu diberikan perhatian oleh agamawan. Ini suatu perkara yang sewajibnya para agamawan perlu tahu dan faham.

Menurut Ibrahim (2018), ada sebahagian kelompok berpendapat penerimaan dalam pengamalan dalam sesebuah hadis hanya pada status *ṣahīh* dan *ḥasan* sahaja. Pandangan kelompok ini seolah-olah menyamakan hadis daif sama dengan palsu sehingga menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat setempat. Walaubagaimanapun, tidak wajar menyamakan dan memukul secara rawak hadis daif dan palsu.

Hal ini kerana kedua-dua kategori hadis itu mempunyai ruang perbincangan yang berbeza dan luas. Tidak semudah daif itu palsu dan setiap yang daif ataupun palsu itu tertolak. Manakala sebahagian kelompok lagi bermudah-mudahan mengamalkan hadis daif secara mutlak. Menurut Khadher dan Ibrahim (2018), para penceramah, pendakwah dan imam-imam di Malaysia sering menyampaikan ceramah, tazkirah atau forum dengan berhujjah menggunakan hadis-hadis daif. Ini kerana ketika berceramah mereka akan mula menyebutkan dalil-dalil yang terkadang ianya terlampau daif yang menghampiri hadis palsu dan mereka berhujjah dengannya di hadapan masyarakat. Atas kekurangan inilah menyebabkan di sisi mereka, hadis daif boleh diriwayatkan dan digunapakai secara mutlak, bahkan lebih baik dari pandangan manusia (*al-Ra'y*).

Pada item 9 dan 10 pula kebanyakan responden menyatakan tidak pasti bahawa hadis daif boleh diamalkan dalam amalan sunat dan harus secara *ihtiyāt*. Pada pandangan pengkaji, guru-guru tauliah ini mereka memahami dan mengetahui bahawa asas dalam perkara hukum-hakam memang tidak boleh digunakan dalam bab hadis. Justeru, mereka beranggapan bahawa perkara sunat, harus dan makruh termasuk dalam lingkungan bab hukum hakam yang dinyatakan. Menurut Hussein (2017), isu pengamalan hadis daif dalam pelaksanaan sesuatu amal ibadah, kerap menjadi polemik dalam masyarakat Islam di Malaysia. Seheinggakan ada tanggapan bahawa amalan yang didasari oleh hadis daif adalah bidaah. Basri (2022) dalam penulisannya menjelaskan para ulama tidak sependapat tentang kebolehan beramal dengan hadis daif dalam bab sunat, harus dan makruh. Sebahagian daripada mereka yang menerima pendapat ini mengambil jalan *ihtiyāt* sahaja. Oleh sebab itu, Al-Ghazālī (2012) menjelaskan, dalam ilmu usul fiqh, diterima atau ditolak sesuatu hadis itu, bukan ditentukan dengan status *ṣaḥīḥ*, *ḥasan* dan daif sahaja. Sebaliknya, ia ditentukan dengan melihat sama ada sesuatu hadis daif itu boleh diamalkan atau tidak boleh diamalkan mengikut sukatan ilmu usul dan ilmu fiqh. Justeru sesuatu hadis itu mungkin *ṣaḥīḥ*, tetapi ia tidak boleh diamalkan atas faktor tertentu, maka ia dianggap *mardūd* (ditolak) dan sesuatu hadis itu mungkin daif, tetapi jika ia boleh diamalkan, maka ia dianggap *maqbul* (diterima)

Namun begitu, pada item 1, 2, 3 dan 4 menunjukkan interpretasi pada tahap yang tinggi. Hampir 180 (74%) guru tauliah bersetuju dengan kenyataan yang diberikan. Ini bermakna penguasaan guru tauliah berkaitan takrif hadis daif berada pada tahap yang baik. Begitu juga pengetahuan mereka tentang larangan beramal menggunakan hadis daif dalam aspek akidah dan hukum hakam serta bolehnya beramal dalam perkara kelebihan amal dalam bab hadis daif.

Skor Min Bagi Pemboleh Ubah

Berpandukan analisis deskriptif, kajian menunjukkan interpretasi bagi persepsi guru tauliah terhadap pengetahuan status hadis daif berada pada tahap sederhana tinggi iaitu dengan skor min 3.36. Pemboleh ubah tersebut mencapai interpretasi pada tahap yang sederhana tinggi.

Jadual 3: Nilai skor keseluruhan min dan interpretasi guru tauliah terhadap penilaian dan pengetahuan status hadis

Pembolehubah	Min	Interpretasi
Pengetahuan Status Hadis	3.367	Sederhana Tinggi

PERBINCANGAN

Dapatan menunjukkan interpretasi pada item 2, 3 dan 4 berada pada tahap yang tinggi. Ini menunjukkan pengetahuan asas guru tauliah berkaitan hadis daif dalam aspek kebolehan beramal dalam perkara kelebihan amal dan larangan penggunaan hadis daif dalam pembinaan hukum halal dan haram serta perkara akidah berada pada tahap yang baik. Untuk item 2, seramai 192 (80%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju bahawa '*Saya tahu hadis daif dilarang untuk beramal dalam perkara akidah*'. Para ulama hadis menegaskan bahawa hadis daif tidak boleh digunakan dalam soal akidah. Ini bertepatan dengan pandangan Ibn Ṣalāh yang menyatakan hadis daif boleh diamalkan selama mana ia tidak palsu melainkan hadis tersebut

tidak menjelaskan berkaitan sifat-sifat Allah (akidah) dan berkaitan hukum syariat halal dan haram (Ibn Ṣalah, 1986).

Pada item 3, seramai 196 (81.7%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju bahawa '*Saya tahu hadis da'if boleh diamalkan dalam perkara faḍail al-A'māl (kelebihan amal)*'. Al-Dhahabī (748H) menjelaskan, kebanyakan ulama mengambil sikap yang ketat dalam memilih hadis-hadis yang berkaitan tentang hukum hakam. Sedangkan dalam masalah *faḍā'il* (kelebihan amal) dan *raqā'iq* (akhlak), mereka memberikan sedikit keringanan ('Awwāmah, 2017). Ahmad Ibn Ḥanbal sekali lagi menegaskan, apabila kami meriwayatkan daripada Rasulullah SAW tentang halal dan haram, maka kami mencatatkan sanadnya. Namun apabila melibatkan periwayatan berkenaan *faḍā'il* dan yang tidak melibatkan hukum hakam, maka kami longgarkan sanadnya (Al-Baghdādī, 1938).

Pada Item 4 seramai 216 (90%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju bahawa '*Saya tahu hadis tidak boleh digunakan untuk berhujah melibatkan pembinaan hukum halal dan haram*'. Al-Nawāwī menjelaskan, adapun dalam perkara hukum hakam seperti halal, haram, jual beli, nikah, talak dan sebagainya, maka tidak boleh beramal padanya melainkan dengan hadis *ṣaḥīḥ* dan *ḥasan* (Al-Nawāwī, 1997). Al-Shawkānī pula menegaskan, hadis daif dilarang penggunaannya dalam hukum-hakam yang membabitkan pembinaan halal dan haram. Ini kerana kelemahannya tidak dapat menghasilkan *ẓan* atau sangkaan yang boleh mensabitkan hukum – hakam agama (Al-Shawkānī, 1994).

Pada Item 1 pula, interpretasi menunjukkan pada tahap yang sederhana tinggi. Seramai 180 (75%) responden menyatakan setuju dan sangat bersetuju dengan kenyataan '*Hadis daif ialah hadis yang kehilangan salah satu daripada syarat-syarat hadis maqbūl*'. Ini bermakna pengetahuan guru tauliah berkaitan definisi hadis daif masih lagi berada dalam keadaan yang baik. Definisi yang paling baik untuk hadis daif ialah hadis yang kehilangan salah satu daripada syarat-syarat hadis *maqbūl* (diterima). Menurut Ibn Ṣalah pula, hadis daif ialah hadis yang tidak mencukupi syarat-syarat hadis *ṣaḥīḥ* dan tidak mencukupi syarat-syarat hadis *ḥasan* (Nuruddīn 'Itr, 1997).

Pada item 5, 6, 7 dan 8 pula menunjukkan interpretasi pada tahap sederhana rendah. Untuk item 5, seramai 96 (40%) responden menyatakan tidak pasti dan 72 (30%) mengatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju bahawa '*Saya tahu hadis da'if boleh diamalkan dalam perkara maghāzī (peperangan)*'. Dalam bab *maghāzī*, Yahyā bin Ma'in ketika ditanya berkenaan perawi yang bernama Ziyad bin 'Abdullah al-Buka'ie: Tidak mengapa meriwayatkan hadis darinya (Ziyad) kerana aku menulis hadisnya dalam bab *maghāzī* (al-Saif, 1979). Selain itu, Abū Nu'aim menukulkan perkataan al-Baihaqī (364) bahawa hadis daif terkadang boleh digunakan dalam perkara yang melibatkan dakwah, *targhīb wa tarhīb* (ancaman dan galakan), tafsir dan *maghāzī* (peperangan) yang tidak ada hubungannya dengan perkara hukum (Abu Nu'aim, 1984).

Pada item 6, seramai 72 (32%) responden mengatakan tidak pasti dan 96 (40%) responden berpendapat tidak setuju dan sangat tidak bersetuju bahawa '*Saya tahu da'if boleh diamalkan dalam perkara mawā'iz (nasihat dan motivasi)*'. Dalam perkara nasihat dan motivasi, Ibn Ṣalah menjelaskan, hadis-hadis daif boleh diriwayatkan seperti hadis yang menjelaskan tentang *mawā'iz* (nasihat), kisah-kisah, *faḍā'il al-a'māl*, *targhīb wa tarhīb* dan seumpamanya yang tidak ada kaitan dengan akidah dan hukum syariat ('Awwāmah, 2017). Seterusnya al-'Irāqī juga menegaskan, bahkan dalam perkara yang merangkumi *targhīb wa tarhīb* (ancaman dan galakan) seperti *mawā'iz* (nasihat), *quṣṣas* (kisah-kisah), *faḍā'il al-a'māl* (kelebihan amal) dan seumpamanya, maka dibolehkan beramal dalam hadis daif (al-'Irāqī, 2002).

Item 7 menunjukkan 72 (32%) responden mengatakan tidak pasti dan 96 (40%) responden berpendapat tidak setuju dan sangat tidak bersetuju bahawa '*Saya tahu hadis da'if boleh diamalkan dalam bab zikir*'. Dalam bab zikir, Mamdūh (1996) menyatakan, beramal dengan hadis dalam bab zikir, selawat dan doa dibolehkan. Ibn Taimiyyah dalam kitabnya *Majmū' Fatāwā* menjelaskan, hadis boleh diamalkan dalam perkara kelebihan amal. Amal yang dimaksudkan adalah amal-amal soleh iaitu dalam perkara membaca al-

Quran, zikir dan menjauhi amalan buruk yang dibenci. (Ibn Taimiyyah, 2004). Al-Nawawī juga menerima hadis dalam bab zikir dan doa dalam kitabnya iaitu al-Azkār (Khafidz, 2021).

Pada item 8, seramai 72 (30%) responden menyatakan tidak pasti dan 96 (40%) responden mengatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju bahawa '*Saya tahu hadis da'if boleh diamalkan dalam bab faḍā'il al-Ṣohābah (kelebihan sahabat)*'. Dalam perkara *faḍā'il al-Ṣohābah* (keutamaan sahabat), al-Dāruquṭnī dalam kitab beliau ketika membahaskan berkenaan bab *faḍā'il al-Ṣohābah* (keutamaan sahabat) yang bernama Abu Bakar, 'Umar al-Khaṭṭāb dan *ahl-bait* (keluarga Nabi SAW) serta *manaqibnya*, beliau meriwayatkan dengan sanad *muttaṣil* (bersambung) dari gurunya dan tidak memberi komentar terhadap sanadnya walaupun kelihatan sebahagian sanadnya adalah lemah. Mungkin sahaja beliau mengamalkan pendapat ulama yang membolehkan beramal menggunakan hadis daif dalam perkara *faḍā'il* (al-Rahīlī, 2006).

Manakala pada Item 9 dan 10 interpretasi juga menunjukkan pada kedudukan sederhana rendah. Seramai 104 (43.4%) responden menyatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju '*penggunaan hadis daif dalam menentukan perkara sunat*'. Ibn Ḥummām dalam *Fath al-Qādir* menyatakan hukum sunat boleh disabitkan melalui hadis daif yang tidak berada pada status palsu (Ibn Ḥummām, 2003). Al-Suyūṭī dalam *Hāwī li al-Fatāwā* menyatakan Ibn Ṣalāh menghukumkan sunat beramal dengan hadis daif dalam persoalan kelebihan amal (Al-Suyūṭī, 2000). Antara hadis yang menunjukkan kepada hukum sunat ialah menutup kepala ketika masuk tandas dan hadis tentang menghidupkan malam hari raya dengan ibadah (Basri, 2022).

Manakala penggunaan hadis daif dalam menentukan perkara makruh, sejumlah 88 (36.7%) responden mengatakan tidak pasti dan 72 (30%) responden mengatakan tidak setuju dan sangat tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sungguhpun begitu, sekiranya terdapat hadis yang mengandungi larangan berbentuk makruh, maka ada ruang untuk ia diamalkan sebagai langkah berhati-hati (*iḥtiyāt*). Ibn 'Allān menjelaskan, boleh beramal dengan hadis daif yang membawa kepada hukum makruh. Contohnya pada keadaan menggunakan air musyammas kerana beramal dengan hadis riwayat 'Aisyah. Hadis ini meskipun, namun ia digunakan dalam rangka mengambil jalan *iḥtiyāt* (hati-hati) dan meninggalkan sesuatu yang meragukan (Basri, 2022).

Setelah melihat kesinambungan daripada isu, permasalahan dan dapatan kajian guru tauliah berkaitan pengetahuan hadis daif, maka disini pengkaji dapat simpulkan bahawa guru-guru tauliah dalam kajian ini mempunyai latar belakang yang berlainan sama ada dari segi pendidikan, umur, pekerjaan, jantina dan lain-lain. Namun latar belakang mereka yang berlainan ini menunjukkan sedikit perbezaan tahap pengetahuan dalam menilai kedudukan dan penerimaan berkaitan hadis daif. Tidak dinafikan bahawa faktor kekurangan ilmu pengetahuan dalam kalangan guru tauliah khususnya berkaitan hadis daif telah menyebabkan perkara ini berlaku. Seterusnya perbezaan pendapat dalam penilaian status hadis merupakan satu perkara yang realiti. Fenomena ini telah berlaku sejak dahulu lagi dan terus berlanjutan hingga zaman ini. Namun sekiranya mereka dapat mencari maklumat serta disajikan berkaitan pengetahuan ciri-ciri hadis daif yang boleh diterima ataupun tidak, maka secara tidak langsung guru tauliah akan lebih mudah faham dan dapat membuat penilaian yang sewajarnya. Mungkin disebabkan pelbagai fahaman aliran dan manhaj dalam kalangan ahli ilmu pada hari ini telah berpecah menjadi beberapa aliran sehingga membawa kepada khilaf dalam penentuan status hadis dan pengetahuan terhadap pengamalan status hadis daif.

Realiti apa yang terjadi pada masa kini ialah fakta ilmu mengenai status hadis bukanlah penentu terakhir dalam pembentukan hukum hakam, ianya tidak didedahkan kepada masyarakat oleh para ilmuwan hadis semasa dalam pengajian-pengajian mereka. Jika hal tersebut tidak dijelaskan, maka kepincangan, kecelaruan, kekeliruan dan salahfaham pasti akan terus terjadi dikalangan masyarakat awam. Kalaupun hal itu tidak didedahkan, maka sepatutnya sekurang-kurangnya didedahkan kepada mereka perbezaan antara penilaian status hadis dan penerimaan sesebuah hadis untuk diamalkan supaya masyarakat sedar bahawa hanya sekadar mengetahui status hadis belum bermakna mengetahui hukum kandungan hadis. Oleh itu, tidak sepatutnya seseorang menilai sesebuah amalan hanya berdasarkan sebuah hadis yang daif atau tersangat daif, lalu secara semberono menetapkan amalan tersebut tertolak dalam Islam. Hal itu

bertentangan dengan praktikal para ulama muktabar, yang tidak menghakimi sesebuah amalan hanya berdasarkan satu atau dua hadis, sebaliknya meneliti semua hadis-hadis dari pelbagai jalur dan juga mengambil kira faktor-faktor yang lain seperti *mafhum muwāfaqah*, *qiyās* dan sebagainya.

Sehubungan itu, kerjasama di antara para ilmuwan hadis, Jabatan Agama Islam setiap Negeri dan ahli akademik pada peringkat universiti yang terlibat secara langsung dalam kajian hadis daif dan palsu perlu kepada tahap lebih menggalakkan. Ahli akademik di institut pengajian tinggi adalah kalangan yang paling tepat dan sesuai untuk melaksanakan sumbangan dalam pemikiran ilmu hadis. Usaha kolektif dan berterusan dari semua pihak sangat diperlukan untuk menyempurnakan langkah-langkah ini, selain tindakan daripada pelbagai pihak untuk merapatkan barisan sekaligus memartabatkan ilmu hadis. Selain itu pengkaji juga berharap agar guru-guru tauliah dapat menambahkan pengetahuan berkaitan ilmu hadis dan mengambil inisiatif untuk menggalakkan guru tauliah bagi meneruskan pengajian dalam bidang hadis dengan lebih mendalam lagi terutamanya berkaitan bab hadis daif.

KESIMPULAN

Usaha menyedarkan masyarakat amat perlu dan kaedah tepat dalam berinteraksi dengan hadis-hadis daif perlu diterapkan bagi menyucikan ajaran Islam. Dewasa ini, perdebatan dan perselisihan dalam isu-isu agama semakin rancak sehingga ia menjadi tular dalam kalangan pelajar baharu dalam dunia akademik, bahkan masyarakat awam. Antara permasalahan yang menjadi perdebatan adalah terkait penghujahan beramal dengan hadis daif. Perdebatan ini termasuklah dalam kalangan agamawan dan tenaga pengajar. Perbezaan pendapat dan pandangan adalah perkara biasa yang perlu diraikan. Namun, ada ketikanya perbalahan berlaku disebabkan cetusan pendapat yang berbeza. Sememangnya perbezaan pandangan adalah realiti yang tidak dapat dielakkan di mana sahaja tetapi perbezaan itu sepatutnya menjurus kepada perkara yang sihat, memberi manfaat serta membuka spektrum ilmu lebih luas. Ini kerana masyarakat awam tidak mampu untuk menilai dan mengambil pendapat mana yang sesuai dan tidak sesuai. Perlu dilihat juga bahawa tahap penerimaan masyarakat awam terhadap sesuatu maklumat atau ilmu adalah terhad. Justeru itu, setiap penilaian status sesebuah hadis haruslah dipandu mengikut garis panduan yang telah disusun oleh para ulama. Kajian ini penting untuk membuat penilaian dan mencari titik pertemuan bagi mengharmonikan perbezaan pendapat supaya dapat mendatangkan manfaat kepada masyarakat Islam di Malaysia. Kedudukan guru agama dan murabbi adalah mulia di sisi agama malah mereka mempunyai tanggungjawab mendidik umat Islam untuk kekal berada di jalan yang benar. Sudah tentu peranan ini akan menentukan nasib dan keadaan ummah pada masa hadapan.

PENGHARGAAN

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) UiTM kerana sudi menerbitkan artikel ini bagi memenuhi keperluan pengajian Doktor Falsafah penulis dalam bidang hadis di Universiti Islam Selangor (UIS).

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan kajian ini dilakukan secara ilmiah daripada perbincangan dan dapatan daripada tesis pengajian Doktor Falsafah penulis dan tidak wujud sebarang kepentingan terhadap mana-mana pihak.

SUMBANGAN PENGARANG

Penulis telah merangka dan menulis keseluruhan artikel kajian ini. Dr Mohd Khafidz Soroni selaku penyelia PhD penulis banyak memberikan maklumat, input dan pengalaman berguna dalam menulis artikel kajian ini.

RUJUKAN

- ‘Awwāmah, Muḥammad (2017). *Ḥukm al-‘Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf*, Jeddah: Dār al-Minhāj
- Abū Nu‘aim, Ahmad bin ‘Abdullah al-Aṣḥfahani (1984). *Hilyat al-Awliya wa tabaqat al-Asfiya*. Beirut: Dār al-Kitab al-‘Arabī.
- Abu Z. I. (2017). Menangani Konflik Hadis Daif Dan Palsu Dalam Masyarakat Awam: Mengalih Perhatian Kepada Pengajian Hadis Sahih Dan Hasan. 2ND INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith 2017.
- Al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar, Aḥmad bin ‘Alī (2011). *Nuzhat al-Nazar fī Tauḍīḥ Nukhbat al-Fikr*. Tahqīq: Nuruddīn ‘Iṭr. Karachi: Maktabat al-Busrā.
- Al-‘Irāqī, Zainuddīn ‘Abd al-Rahīm bin Zain (2002). *Syarḥ al-Tabṣirat wa al-Tazkirah*. Beirut Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Baghdādī, Aḥmad bin ‘Ālī bin Thābit Khātib (1938). *Al-Kifāyah fī ‘Ilm al-Riwāyah*. Dāirat al-Ma’ārif al-‘Uthmāniyyah.
- Al-Ghawrī, S. M. (2019). *Al-Muyassar fī ‘Ilmī Mustolāh al-Ḥadīth*. Bangi: Dār al-Syakir.
- Al-Ghazālī, A. Ḥ. (2012). *Al-Mustaṣfā fī ‘Ilm al-Uṣūl*. Beirut: Muassasah Risalah Nasyirun.
- Al-Khudaḥayr, ‘Abd al-Karīm bin ‘Abdullāh bin ‘Abd al-Rahmān. (2004). *Al-Ḥadīth al-Ḍa‘īf wa Ḥukm al-Iḥtījāj bih*. Riyadh: Maktabah Dār al-Manhaj.
- Al-Mālikī, Sayyīd Muḥammad al-‘Alāwī (2000). *Al-Manhal al-Laṭīf fī Usūl al-Ḥadīth al-* Syarīf. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nawawī Muhy al-Din bin Syaraf (1997). *Al-Majmū‘ Sharh al-Muhazzab*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawī, Muhy al-Din bin Syaraf (1997). *Al-Azkār*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Al-Rahīlī, ‘Abdullah bin Ḍaif Allah (2006). *Al-Imām Abū Ḥasan al-Dāruquṭnī wa Athāruhu al-‘Ilmiyyah*. Jeddah: Dār al-Andalus.
- Al-Saif, Ahmad Muhammd Nur (1979). *Yahyā bin Ma’in wa Kitābuhu al-Tarīkh*. Maktabah al-Mukarramah.
- Al-Shawkānī, Muḥammad bin ‘Alī (1994). *Irshād al-Fuhūl Ilā Tahqīq al-Ḥaq min ‘Ilmī al-Uṣūl*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn (2000) *Al-Ḥawī li al-Fatāwā fī al-Fiqhī, wa ‘ulūm al-Tafsīr, wa al-Ḥadīth, wa al-Uṣūl wa al-Nahw wa al-I‘rāb wa Sāir al-Funūn*. Tahqīq: ‘Abd al-Laṭīf ‘Abd al-Rahmān. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Bahagian Fatwa Dan Buhuth. *Garis Panduan Pengeluaran Tauliah Mengajar, Kebenaran Berceramah Dan Membaca Khutbah Jumaat Dalam Negeri Melaka*. Jabatan Mufti Negeri Melaka.
- Bahagian Penyelidikan. *Garis Panduan Prosedur, Pengeluaran Tauliah Khas, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan*.
- Basri I. (2022). *Bolehkah Beramal dengan Hadith Dhaif*, Batu Caves, PTS Publishing House Sdn. Bhd.
- Dhani M. (2014). *Pedoman Ilmu Hadis*. Progressive Publishing House Sdn. Bhd. Kuala Lumpur

- Faisal A. S. (2017). *Hadis Daif dan Palsu: Realiti Pemakaiannya Di Malaysia*. Universiti of Malaya Press. Kuala Lumpur.
- Farhan M. A., Khadher A. & Za'im S. Y. (2016) *Menangani Salah Faham Terhadap Hadith Da'if: Satu Analisis*. E-Proceeding Of The 3rd World Conference On Integration Of Knowledge 2016.
- Hussein 'A. K. (2017), *Pencerahan Dalam Bidang Hadith*. Kota Bharu: Jabal Maraqy Sdn. Bhd.
- Ibn 'Allan, Muḥammad bin 'Alī bin Muḥammad (1978). *Al-Futūhāt al-Rabbaniyyah 'alā al-Azkār al-Nawawiyyah*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn al-Hummām, Kamal al-Dīn bin Muḥammad bin 'Abd al-Wāhid (2003). *Sharh Fath al-Qadir*. Tahqīq: 'Abd al-Razaq Ghālib al-Mahdī. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Ṣalah, 'Uthmān bin 'Abd al-Raḥman Taqīyy al-Dīn (1986). *Muqaddimah Ibn Ṣolah*. Tahqīq: Nuruddin I'tr. Beirut: Dār al-Fikr.
- Ibn Taimiyyah, Aḥmad bin 'Abd al-Ḥalīm bin 'Abdullah (2004). *Majmū' Fatāwā Shaikh al-Islām Aḥmad bin Taimiyyah*. Sa'ūdi: Majma' al-Malik Fahd li Ṭob'at al-Muṣṣhaf al-Sharīf.
- Ibrahim A. A. R. (2018), *Mendepani Isu Hadith Dhaif: Analisis Melalui Kitab Ḥukm al-'Amal bi al-Ḥadīth al-Ḍa'īf*. Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Jainah. (2020) *Analisis Kesesuaian Latar Belakang Pendidikan Guru Mata Pelajaran Keagamaan Di Madrasah Ibtida'iyah*. Sarjana Pendidikan. Fakultas Tarbiyah Dan Ilmu Keguruan. Institut Agama Islam Negeri Palangka Raya
- Jamaluddin A. W. (2011). *Isu-Isu Takhrij Di Singapura: Satu Tinjauan Awal*. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Jawiah D. (2014). *Keberadaan al-Mawdu' Dalam Masyarakat Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khader A. & Ibrahim A. M. R. (2019) *Isu Berkaitan Hadith Lemah (Ḍa'īf) Menurut Pandangan Al-Shaykh Muḥammad 'Awwāmah Dalam Kitab Ḥukm Al-'amal Bi Al-Ḥadīth Al-Ḍa'īf: Satu Analisis*. E-Proceeding of The 4th International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith (IMAM 2019).
- Khadher A. & Adam A. A. (2017). *Aliran – Aliran Dalam Pengajian Hadith: Faktor Keberadaan Dan Perkembangan Di Malaysia*. Pengajian al-Sunnah al-Nabawiyyah. Akademi Pengajian Islam. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Khadher A. & Fauzi. D. (2021). *Pendekatan 'Ulum al-Hadith Dalam Menangani Salah Faham Terhadap Sunnah*. Selangor: Persatuan 'Ulama Malaysia.
- Khafidz M. S. (2021). *Kedudukan dan Peranan Hadith Dhaif Menurut Perspektif Ulama Islam*. Seremban: Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Kholis N. M. (2016). *Hukum Mengamalkan Hadits Dhaif dalam Fadhail A'mal: Studi Teoritis dan Praktis*. Al-Tsiqoh: Islamic Economy and Da'wa Journal Volume 1(02) 2016.
- Krejcie, R.V. and Morgan, D.W. (1970) *Determining Sample Size for Research Activities*. Educational and Psychological Measurement, 30.
- Majid M. K. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Mamdūh, Maḥmūd Saʿīd (2002). *al-Taʿrīf bi Awhām Man Qassam al-Sunan ilā Ṣaḥīḥ wa Pakistan: Dār al-Buhūth li al-Dirāsāt al-Islāmiyyah wa Ihyā al-Turāth*.
- Munawar A. I & Nor S. A. (2015). *Mengenal Kuantitatif & Kualitatif Dalam Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Najib M. A. G. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Nuruddīn al-ʿIṭr (1997). *Manhaj al-Naqd fī ʿUlūm al-Ḥadīth*. Damsyik: Dār al-Fikr al Muʿāṣir.
- Rohaizan B., Syed H. S. O., Syed M. A. S. R. & Rosmalizawati A. R. (2022) *Isu Perbalahan Agamawan Mengenai Hadis Nabi Saw. QIYAM International Social Science and Humanities Journal*, 5(1).
- Shukri M. S. & Faisal A. S. (2018). *Hadith-hadith Masyhur Berkaitan Al-Faḍāʿil: Kajian Kefahaman dan Pengamalannya dalam Kalangan Guru-guru Pendidikan Islam di Pasir Gudang, Johor*. *Jurnal Usuluddin*, 46 (2).
- Wahyu H. A. & Najib M. N. (2020). *Analisis Aktiviti Pengajian Keagamaan di Institusi Masjid-masjid Negeri Melaka*. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*. Volume 3, Issue 1, 2020.
- Wahyu H. A., Marzuqi A. R. & Hadi A. B. (2018). *Amalan Penggunaan Metode Syarah al-Hadith Dalam Pengajian Hadith Institusi Masjid di Daerah Muallim Negeri Perak*. *Jurnal Teknologi Sains Humanika*. November 2018.